

Hadkan masa anak guna gajet

➔ Kempen LPPKN bentuk institusi keluarga cemerlang

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Ipoh

Lembaga Penduduk dan Pembangunan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Perak melancarkan kempen *No Gadget Hour* sebagai inisiatif membentuk nilai institusi kekeluargaan cemerlang dalam pembangunan negara menuju ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Bertemakan 'Saya Sayang Keluarga Saya', kempen berkenaan diadakan sempena sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia (BKK1M), peringkat Perak

2017, pada tahun ini.

Program bermula 10 pagi yang diadakan di sekitar taman tema air Lost World of Tambun itu dipadatkan pelbagai aktiviti kekeluargaan, seperti mencari harta karun, sukaneka, warna-warni keluarga, *aerodance*, mencari itik emas dan aktiviti air yang disertai lebih 200 peserta.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Rusnah Kassim hadir bagi merasmikan program berkenaan.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPPKN, Abdul Shukur Abdullah dan Pengarah



Rusnah (empat dari kiri) melancarkan kempen 'No Gadget Hour' sempena Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia peringkat Perak 2017, di Ipoh, semalam.

B/H A440

26/11/2017 MIS 23

LPPKN Perak, Suraya Ghazali.

Rusnah berkata, pada era teknologi maklumat, kempen itu tepat pada masanya dalam memberi kesedaran kepada institusi keluarga untuk memainkan peranan dalam membentuk keluarga berkualiti.

Luang masa bersama anak

"Saya menyeru kepada ibu bapa supaya meluangkan masa berkualiti bersama anak dan menghadkan atau tidak menggunakan gajet ketika bersama ahli keluarga.

"Kempen ini diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan dan interaksi antara ibu bapa dan anak," katanya.

Fakta nombor

200 PESERTA

hadir sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia peringkat Perak 2017

Rusnah berkata, segala-galanya berubah dengan pantas dan membina keluarga yang bahagia dan sejahtera adalah sesuatu yang mencabar sekarang dan pada masa depan.

"Sudah semestinya peranan institusi keluarga sebagai teras dalam membentuk dan menyediakan modal insan berkualiti negara dalam memacu kemajuan negara lebih cemerlang.

"Ia menjadi aspek utama dalam transformasi untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada 2020 seterusnya menjadi antara kuasa besar dunia seperti dalam TN50 katanya.